

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE  
(PETALING JAYA UTARA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 08.03.2016**

**Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [ PETALING JAYA UTARA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tujuan SRC International membuat pembayaran sebanyak RM170 juta antara 8 Julai sehingga 8 Ogos 2014 kepada Syarikat Putra Perdana Construction. Mengapakah RM27 juta daripada jumlah di atas disalurkan kepada akaun bank Menteri Kewangan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,RM170 juta yang telah dibayar kepada Syarikat Putra Perdana Construction adalah bagi tujuan pembayaran projek pembinaan *turnkey* yang mana kemudiannya telah dibatalkan dan wang tersebut telah dipulangkan sepenuhnya kepada SRC.

SRC tidak mempunyai sebarang maklumat berkenaan isu penyaluran wang ke akaun Menteri Kewangan dan ia juga adalah berdasarkan laporan berita oleh sebuah portal yang tidak dapat ditentukan kesahihan sumber beritanya. Sehubungan dengan itu, di bawah Peraturan Mesyuarat 23(1)(i), perkara ini tidak perlu dijawab kerana ia adalah satu pertanyaan yang meminta penerangan berkenaan perkara di dalam surat khabar.

**SOALAN: NO.35**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA :** Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [ PANDAN ]

**PERTANYAAN :** LISAN

**TARIKH :** 08.03.2016

**Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [ PANDAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bayaran yang telah dibuat, peratusan kerja yang siap, bayaran tertunggak bagi kerja yang telah siap dan baki kos menyiapkan kerja bagi setiap “Development Agreement” membangunkan 8 pangkalan udara di antara Kerajaan Malaysia dan 1MDB.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi memberi laluan kepada pembangunan Bandar Malaysia, 1MDB telah pun menandatangani lapan perjanjian (*Development Agreement*, dengan izin) untuk penempatan semula fasiliti-fasiliti TUDM, PDRM dan juga RAD 31 sedia ada di Pangkalan Udara Kuala Lumpur (PUKL). Skop perjanjian termasuklah, antaranya, perolehan tanah baharu, kerja-kerja reka bentuk, kelulusan pihak berkuasa tempatan,

pembinaan, perolehan peralatan dan pemindahan fasiliti ke penempatan baharu.

Peratusan kemajuan fizikal projek PUKL untuk tapak-tapak terlibat adalah di antara 42% ke 80%. Salah satu fasiliti telah pun siap dan diserahkan sepenuhnya pada Jun 2015, iaitu fasiliti Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Ipoh. Secara keseluruhannya, projek pemindahan PUKL dijangka akan disiapkan pada awal tahun 2017.